

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN REKABENTUK LANDSKAP BAGI ZON-ZON DAERAH BAU TAHUN 2026

1. Tema

“Harmoni Kampung & Alam”

Inspirasi dari suasana kampung Bidayuh yang dikelilingi hutan hijau. Tema ni boleh tekankan tanaman tropika asli, laluan buluh, gazebo kayu, dan elemen sawah padi.

2. Kategori Pertandingan Landskap Antara Kampung di Daerah Bau

- Kategori A: Landskap Zon / Kawasan Tumpuan (balai raya, masjid/surau, gereja, dewan, taman permainan, pondok rehat dan sebagainya yang bersesuaian)
- Kategori B: Landskap di agensi

3. Syarat-syarat penyertaan Kategori A

a) Kelayakan

- Terbuka kepada semua kampung yang berada di dalam Daerah Bau.
- Setiap kampung hanya boleh menghantar satu penyertaan rasmi.
- Penyertaan hendaklah dibuat atas nama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau badan komuniti kampung.

b) Bentuk Penyertaan

- Penyertaan adalah dalam bentuk projek landskap di kawasan kampung sendiri (contoh: halaman balai raya, kawasan lapang, laluan utama, atau ruang awam kampung).
- Projek mestilah hasil usaha gotong-royong penduduk kampung, bukan dibina oleh kontraktor luar.
- Setiap kampung perlu menyediakan konsep bertulis ringkas (1–2 muka surat) tentang lukisan pelan, tema dan idea taman dan gambar-gambar progres - Boleh juga sediakan menggunakan Powerpoint/Canva atau mana-mana perisian yang sesuai.

c) Skop Landskap

- Projek perlu menekankan identiti budaya masyarakat tempatan.
- Projek wajib ada sekurang-kurangnya 40% elemen landskap lembut semulajadi (softscape) seperti pokok teduhan / bunga / renek / herba / turf.
- Projek wajib ada elemen landskap kejur (hardscape) seperti laluan / gazebo / pondok / kerusi rehat /papan tanda.

d) Tempoh & Penilaian

- Semua projek perlu siap dalam tempoh yang ditetapkan 3 bulan selepas tarikh pelancaran pertandingan.
- Penilaian akan dibuat oleh panel juri profesional dalam bidang landskap sebanyak 2 kali merangkumi pemantauan awal progres projek dan penilaian akhir.
- Juri akan melawat kampung untuk menilai secara on-site berdasarkan rubrik pemarkahan.

e) Tanggungjawab & Hak

- Kos asas projek ditanggung oleh kampung.
- Hasil landskap adalah milik kampung sepenuhnya untuk dimanfaatkan selepas pertandingan.

- Penganjur berhak menggunakan gambar & video projek untuk tujuan promosi, dokumentasi, dan media sosial.

f) Kategori & Hadiah

- Kategori A:
 Johan - RM10000, geran penambahbaikan projek, trofi iringan Pegawai Daerah, sijil penghargaan
 Naib Johan - RM5000, geran sokongan, sijil penghargaan
 Ketiga - RM3000, geran sokongan, sijil penghargaan

4. Syarat-syarat penyertaan Kategori B

a) Kelayakan

- Terbuka kepada semua agensi kerajaan yang berada di dalam Daerah Bau kecuali Kolej Komuniti Mas Gading.
- Setiap agensi hanya boleh menghantar satu penyertaan rasmi.
- Penyertaan hendaklah dibuat atas kelulusan Ketua Jabatan agensi.

b) Bentuk Penyertaan

- Penyertaan adalah dalam bentuk projek landskap di satu ruang yang digazetkan khas samada di dalam atau luar bangunan.
- Projek mestilah dihasilkan oleh kakitangan agensi sendiri.
- Setiap agensi perlu menyediakan konsep bertulis ringkas (1–2 muka surat) tentang lukisan pelan, tema dan idea taman dan gambar-gambar progres. Boleh juga sediakan menggunakan Powerpoint/Canva atau mana-mana perisian yang sesuai.

c) Skop Landskap

- Projek perlu menekankan identiti budaya masyarakat tempatan.
- Projek wajib ada mempunyai elemen landskap lembut semulajadi (softscape) dan elemen landskap kejur (hardscape).

d) Tempoh & Penilaian

- Semua projek perlu siap dalam tempoh yang ditetapkan 3 bulan selepas tarikh pelancaran pertandingan.
- Penilaian akan dibuat oleh panel juri profesional dalam bidang landskap sebanyak 2 kali merangkumi pemantauan awal progres projek dan penilaian akhir.
- Juri akan melawat agensi untuk menilai secara on-site berdasarkan rubrik pemarkahan.

e) Tanggungjawab & Hak

- Kos asas projek ditanggung oleh agensi.
- Hasil landskap adalah milik agensi sepenuhnya untuk dimanfaatkan selepas pertandingan.
- Penganjur berhak menggunakan gambar & video projek untuk tujuan promosi, dokumentasi, dan media sosial.

f) Kategori & Hadiah

- Kategori B:
 Johan - RM3000, sijil penghargaan Landskap di agensi
 Naib Johan - RM2000, sijil penghargaan
 Ketiga - RM1000, sijil penghargaan

5. Skop Penilaian

- a) Kreativiti & Estetika Reka Bentuk (30%)
- b) Usaha Sama Komuniti & Penyelenggaraan (20%)
- c) Identiti Tempatan & Penceritaan (20%)
- d) Kelestarian & Konsep Amalan Hijau (20%)
- e) Pembentangan (10%)

6. Panduan Teknikal

a) Saiz Kawasan

- Kategori A: Saiz minimum 500 m²
- Kategori B: Tiada had saiz khusus, tetapi kawasan mesti jelas, kemas dan berfokus.

b) Elemen Wajib Ada

- Elemen lembut (softscape): contoh seperti pokok teduhan / bunga / renek / herba / turf.
- Elemen keras (hardscape): contoh seperti laluan / gazebo / pondok / kerusi rehat / papan tanda / binaan bersesuaian.
- Elemen identiti budaya: contoh seperti tempayan / buluh / pasu tradisional / anyaman / mural budaya.
- Elemen komuniti: contoh seperti ruang santai / kawasan permainan / laman herba untuk kegunaan bersama.
- Kelestarian: contoh seperti sistem tadahan air hujan / kompos organik / penggunaan bahan kitar semula.

7. Garis Panduan Tambahan

- Galakan penggunaan warna harmoni dan konsisten dalam elemen landskap.
- Elakkan penggunaan bahan plastik sekali guna / bahan tidak mesra alam.
- Kawasan landskap mestilah selamat, tidak menimbulkan risiko kemalangan (contoh: kolam tanpa pagar, peralatan berkarat).
- Galakan penggunaan elemen seni komuniti seperti mural, ukiran kayu, batu sungai tempatan.
- Elakkan unsur provokasi dan sensitif.